

Kemas kini butiran peribadi anda untuk menikmati perkhidmatan lebih baik bersama kami.

Mulai 11 November 2019, ASNB melaksanakan program kemas kini butiran peribadi secara mandatori di semua Cawangan dan Ejen ASNB manakala pengguna myASNB boleh mengemaskini menerusi portal berkenaan.

Penjaga berdaftar perlu bawa bersama MyKid/MyKad dan Sijil Lahir asal anak sekiranya melibatkan Akaun Remaja/Bijak.



Soalan Lazim

1. Bilakah Program Kemas Kini Butiran Peribadi pelabur oleh ASNB bermula?

Bermula pada 11 November 2019, pemegang unit yang membuat sebarang urusan niaga di mana-mana Cawangan atau Ejen ASNB, mereka diwajibkan mengemas kini beberapa tambahan maklumat peribadi sebelum urusan selanjutnya diteruskan.

Penjaga Berdaftar juga perlu mengemas kini butiran peribadi pelabur bawah 18 tahun yang didaftarkan di bawah nama mereka.

Bagi pengguna myASNB, anda boleh mengemas kini butiran peribadi melalui portal myASNB, di mana anda dikehendaki berbuat demikian sebaik sahaja berjaya log masuk ke akaun portal myASNB.

Keperluan mengemas kini maklumat peribadi mandatori ini hanya perlu dilakukan sekali sahaja iaitu pada kali pertama pelabur membuat urusan niaga di kaunter atau di portal myASNB bermula 11 November 2019.

2. Mengapa ASNB perlu melaksanakan Program Kemas Kini Butiran Peribadi ini?

ASNB perlu melaksanakan Program Kemas Kini Butiran Peribadi bagi mengemas kini pangkalan data pemegang unit dalam usaha menawarkan produk dan memberi perkhidmatan yang lebih baik.

Ia juga sejajar ketetapan oleh pihak kawal selia yang menetapkan institusi kewangan perlu mempunyai maklumat terkini pemegang unit bagi memastikan data peribadi pelanggan berada pada tahap yang tertinggi.

3. Mengapa butiran peribadi saya perlu dikemas kini?

Pemegang unit perlu mengemas kini butiran peribadi supaya mereka dapat menikmati perkhidmatan terkini yang ditawarkan oleh ASNB:

- Portal myASNB

Pemegang unit perlu mengemas kini butiran peribadi terutamanya nombor telefon bimbit sebelum mereka boleh menggunakan kemudahan pelaburan dalam talian yang ditawarkan ASNB secara percuma menerusi portal myASNB (www.myasnb.com.my). Antara kemudahan yang ditawarkan ialah membuat pelaburan tambahan, pelaburan automatik bulanan menerusi Auto Labur dan menyemak baki dan urusan niaga terkini;

- Maklumat promosi terkini

Pemegang unit dapat menerima maklumat terkini mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan ASNB contohnya unit amanah baharu yang dilancarkan dan perkhidmatan serta promosi terkini;

- Ketetapan pihak kawal selia industri

Pihak kawal selia industri menetapkan pemegang unit perlu memberikan butiran peribadi tambahan dan terkini supaya data dan akaun mereka dapat dilindungi sepanjang masa;

- Peringatan dan makluman

ASNB boleh sentiasa berinteraksi dengan pemegang unit untuk memastikan mereka sentiasa menerima maklumat terkini mengenai pelaburan mereka termasuklah Laporan Tahunan tabung yang kini dihantar menerusi e-mel.

4. Apa akan berlaku jika saya tidak/enggan mengemas kini butiran peribadi dengan ASNB?

Selaras dengan langkah menjadikan keperluan kemas kini butiran peribadi pemegang unit sebagai mandatori, pelabur tidak akan dapat meneruskan sebarang urusan niaga dengan ASNB jika mereka tidak/enggan mengemas kini butiran peribadi mereka.

Pemegang unit juga terlepas peluang untuk menggunakan kemudahan dalam talian yang ditawarkan secara percuma menerusi portal myASNB, menerima maklumat terkini mengenai produk dan perkhidmatan ASNB, Laporan Tahunan tabung dan promosi yang ditawarkan khas kepada mereka.

5. Mengapa proses mengemas kini mengambil masa yang lebih berbanding transaksi biasa?

Proses ini mengambil sedikit masa pemegang unit kerana pegawai kami perlu mengisi maklumat tambahan dan terkini pemegang unit (jika perlu) seperti mana yang ditetapkan oleh pihak badan kawal selia antaranya nombor telefon bimbit, alamat e-mel, pekerjaan dan lain-lain.

Kami menghargai kesabaran dan kerjasama pemegang unit supaya proses kemas kini dapat berjalan dengan lancar.

6. Mengapa saya perlu hadir ke kaunter untuk proses kemas kini ini, adakah boleh saya lakukan secara dalam talian (online)?

Proses kemas kini butiran peribadi ini boleh dilakukan di Cawangan atau Ejen ASNB untuk memastikan maklumat peribadi pemegang unit adalah benar dan tepat.

Dokumen pengenalan diri (MyKad) pemegang unit dan pengesahan oleh pemegang unit sendiri mengenai maklumat yang diberikan adalah penting sebelum sebarang data boleh dikemas kini.

Sekiranya pemegang unit telah mendaftar portal myASNB, maka kemas kini maklumat peribadi boleh dilakukan menerusi akaun portal myASNB anda.

Kami di ASNB sentiasa berusaha untuk memastikan data peribadi pelabur sentiasa dilindungi pada tahap tertinggi.

7. Di mana dan bagaimana saya boleh mengemas kini butiran peribadi saya?

Pemegang unit boleh datang ke mana-mana Cawangan atau Ejen ASNB dengan membawa bersama kad pengenalan asal untuk mengemas kini butiran peribadi masing-masing.

Untuk Akaun Bijak/Remaja, Penjaga Berdaftar perlu membawa MyKid/Mykad dan Sijil Lahir asal anak masing-masing.

Untuk mengetahui lokasi Cawangan atau Ejen ASNB berhampiran anda, sila klik: http://www.asnb.com.my/asnbv2_6contact.php#pejabatasnbn.

Pemegang unit yang sudah mendaftar dengan myASNB boleh berbuat demikian menerusi portal berkenaan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan program ini, atau anda memerlukan sebarang bantuan semasa mengemas kini maklumat, sila berhubung dengan Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian Tel:03-7730 8899, atau melalui Facebook Amanah Saham Nasional Berhad atau ASNBTweet.